

PERCUMA

Wadah
MAIPK Edisi
Pertama 2019
Bil Ke-31

MAIPK



MAJLIS PENYERAHAN KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA KEPADA MUBALIGH ISLAM

**KADAR BAHARU
ZAKAT FITRAH
BAGI TAHUN 2019M/1440H**

>> Baca selanjutnya di muka surat 2

**PROGRAM
REVOLUSI ASNAF
DAN HIJRAH ASNAF
KE MENARA GADING**



**MAIPK DAN PKEINPK
BEKERJASAMA BINA
RUMAH TEPATI SYARIAH**





ZAKAT FITRAH



مجلس أكام إسلام
دان عادت ملايو فيراق

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke - 216 pada 16 Januari 2019 telah memperaku dan bersetuju untuk menetapkan harga bagi zakat fitrah untuk tahun 1440H/2019M adalah pada kadar **RM7.00** dan menggalakkan para pembayar fitrah untuk membayar melebihi kadar tersebut atas dasar “Tatawwu’”. Maka ditawarkan dengan harga **RM14.00** bagi pembayar yang menggunakan beras wangi dan yang seumpamanya serta **RM21.00** bagi pembayar yang menggunakan beras basmathi dan yang seumpamanya. Perkara ini bersandarkan dalil dari Surah Al Baqarah Ayat 184 :

فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ

“Maka sesiapa yang sukarela memberikan lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya”

ANDA YANG MANA?

RM7.00

Beras Super
Special Tempatan 5%

RM14.00

Beras Putih Import,
Beras Perang, Beras Pulut,
Beras Wangi, Herba Poni

RM21.00

Beras Basmathi, Beras Jepun,
Beras Merah

KUMPULAN PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) SERAH ZAKAT PERNIAGAAN RM2.916 JUTA

KUALA LUMPUR, 25 Februari 2019 - Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) menyampaikan bayaran Zakat Perniagaan bagi tahun kewangan berakhir 2017 berjumlah RM2,916,875.00 juta kepada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk). Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzudin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah berkenan menerima

Zakat Perniagaan itu bagi pihak MAIPk yang diserahkan oleh YABhg. Tan Sri Dr. Zeti Aziz, Pengerusi Kumpulan PNB di Istana Perak, Changkat Persekutuan Kuala Lumpur hari ini. Turut hadir, YBhg. Datuk Abdul Rahman Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif PNB, dan YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Noordin Yang Dipertua MAIPk.



MAJLIS PENYERAHAN KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA KEPADA MUBALIGH ISLAM

IPOH, 27 Februari 2019 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan majlis penyerahan kenderaan pacuan empat roda kepada Mubaligh Islam daerah Ipoh, Tapah dan Muallim bertempat di perkarangan Kompleks Islam Darul Ridzuan. Sebanyak tiga buah kenderaan berjenama Isuzu D-Max disumbangkan oleh MAIPk melalui kerjasama Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). Penyerahan ini bertujuan memudahkan pergerakan para Mubaligh Islam menyebarkan dakwah di kawasan pedalaman. Majlis penyerahan tersebut disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman, Timbalan Ketua Eksekutif (Pengurusan) MAIPk. Turut hadir bersama YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop Bin Haji Husin Pengarah

JAIPk, Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk serta para pegawai dari pengurusan kanan MAIPk dan JAIPk.





PROGRAM “HIJRAH ASNAF KE MENARA GADING” (HIASMEGA) 2019

LENGGONG, 25 Mac 2019 – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan majlis perasmian Program “Hijrah Asnaf Ke Menara Gading” (HIASMEGA) 2019 di Dewan Besar, Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Lenggong. Majlis disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPK. Seramai 362 orang pelajar telah menyertai program ini merupakan penerima Skim Bantuan Persekolahan dan Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal MAIPK. Program ini merupakan satu inisiatif MAIPK dalam meningkatkan taraf ekonomi asnaf fakir dan miskin melalui bidang pendidikan bagi membolehkan anak asnaf melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seterusnya berdaya saing di alam pekerjaan kelak.

Program ini juga adalah satu persediaan pelajar dalam menentukan hala tuju selepas memperolehi keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta persediaan sebelum melangkah ke IPT. Program ini juga akan membantu pelajar mendapatkan maklumat lanjut tentang IPT pilihan meliputi kursus yang ditawarkan serta syarat-syarat kemasukan. Selain itu, program ini membantu pelajar untuk mengenal pasti kursus yang ditawarkan sesuai dengan minat dan cita-cita pelajar sekaligus membantu memperolehi keputusan yang cemerlang dalam semua subjek

yang bakal diambil seterusnya memperolehi pekerjaan di industri tersebut.

OBJEKTIF

- Meningkatkan motivasi dan pengetahuan pelajar berkaitan program-program pengajian yang ada di seluruh Malaysia bagi persediaan menyambung pengajian selepas mendapat keputusan SPM.
- Memberi maklumat berkaitan bantuan-bantuan yang disediakan oleh MAIPK bagi menarik minat asnaf untuk meneruskan kelestarian pendidikan mereka.
- Mengeluarkan asnaf Fakir dan Miskin daripada belunggu kemiskinan melalui pendidikan.



PROGRAM DERMASISWA LUAR NEGARA MAIPK “REVOLUSI ASNAF KE MENARA GADING”

IPOH, 5 Mac 2019 – Bertempat di Hotel Seri Malaysia, Ipoh telah berlangsungnya Program Dermasiswa Luar Negara MAIPK “Revolusi Asnaf Ke Menara Gading” (ReAsMeGa). Program yang bermula pada 4 Mac 2019 hingga 5 Mac 2019 ini adalah bertujuan bagi memberikan taklimat mengenai persediaan pelajar-pelajar untuk melanjutkan pengajian ke negara Mesir. Seramai 76 pelajar yang layak menyertai program ini terdiri daripada 38 orang Pelajar Tajaan MAIPK dan 38 lagi pelajar yang menerima Bantuan Am. Selain taklimat, para pelajar juga turut diberikan motivasi oleh AF. Ustaz Bakri bin Lee, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPK dan AF. Ustaz Munawir bin Mohamed Noh selaku mantan Atase Pendidikan Mesir Perak.

Para pelajar digesa agar berusaha bersungguh-sungguh dan mematuhi segala peraturan sepanjang pengajian. Taklimat ini juga bertujuan supaya para pelajar lebih yakin dan faham apa tujuan sebenar mereka melanjutkan

pelajaran ke luar negara serta selanjutnya untuk mencapai kejayaan dan dapat membalas segala jasa ibu bapa masing-masing. Program yang berlangsung ini disempurnakan oleh Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPK. Ucapan dan kata-kata semangat juga telah disampaikan oleh beliau kepada semua pelajar agar menjadi bekalan dan peringatan kepada mereka apabila sudah p e n g a j i a n nanti.



MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PERUMAHAN MAMPU MILIK

TAIPING, 13 Februari 2019 – Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Mampu Milik di dalam Bandar Taiping telah dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak (PKEINPk) Sdn Bhd (PSB) dan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk). Majlis dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Abd Rahim Bin Md Ariff selaku Yang DiPertua Majlis Perbandaran Taiping. Turut hadir bersama, YBhg. Dato' Dr. Mohamad Hashim Bin Ahmad Tajudin, Pengerusi PSB, Tuan Abd Rahman Bin Abdullah Thani, Ketua Pegawai Eksekutif PSB dan Encik Zulfadli Bin Baharum, Pengurus Unit Pembangunan Hartanah MAIPk mewakili Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk.

PSB bakal memperluaskan projek pembinaan rumah bercirikan Islam atau menepati Syariah sebagai salah satu inisiatif memajukan tanah yang bersesuaian di seluruh negeri Perak dengan kerjasama MAIPk. Projek pembinaan rumah berciri Islam ini dilaksanakan PSB di Taiping dengan 10 unit rumah teres dua tingkat akan dibina dengan keluasan lot 20'x55' dan ruang lantai

binaan minima 1,400 kaki persegi di atas tanah MAIPk seluas 0.4586 ekar. Projek ini dijangka bermula pada pertengahan tahun ini dan dijadualkan siap pada tahun 2020 dengan dilengkapi ciri-ciri reka bentuk dalaman Islamik. Kelebihan reka bentuk dalaman Islamik ialah antaranya mengutamakan kedudukan tandas dan bilik air adalah berasingan mengikut syariat Islam bagi menjaga kesucian dan kebersihan. Harga mampu milik ini tidak melebihi RM250,000 bagi memberi peluang dan kemampuan kepada pelanggan untuk membelinya.

Ciri - ciri rumah teres dua tingkat ini terdiri daripada tiga bilik termasuk bilik tidur utama, tiga bilik air dan satu bilik utiliti. Di samping itu, tempat letak kereta berbumbung yang menempatkan dua buah kereta merupakan kediaman yang lengkap dengan pelbagai fasiliti. Pembangunan dan lokasi yang strategik menawarkan kehidupan yang selesa dan tenang di bandar Taiping, lengkap dengan fasiliti dan kemudahan menarik serta menjamin keselamatan penghuninya.



MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM "ROAD TO SUCCESS" 2019

LENGGONG, 28 Februari 2019 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan majlis perasmian penutup program "Road to Success" 2019 dengan kerjasama pihak Yayasan Pelajaran Mara (YPM) di Dewan Besar, Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Lenggong. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan motivasi dan pengetahuan pelajar berkaitan program-program pengajian yang ditawarkan oleh Institusi Pendidikan Mara (IPMa) di seluruh Malaysia bagi persediaan menyambung pengajian selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Majlis disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk. Program ini melibatkan 112 orang anak angkat YPM dan 38 daripadanya merupakan penerima Bantuan Biasiswa Pelajaran MAIPk yang mengambil SPM pada tahun 2018.

Pihak MAIPk berharap program ini dapat mencetuskan inspirasi dan motivasi kepada

pelajar-pelajar yang hadir untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi agar menjadi insan yang lebih berkualiti dari segi modal insan, berdaya maju serta dapat mengubah taraf hidup keluarga yang lebih baik. MAIPk merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YPM atas kerjasama yang diberikan untuk bersama-sama membantu asnaf.





PROGRAM BERSAMA ASNAF “LETOP MINDA ASNAF”

SELAMA, 23 Februari 2019 - Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menganjurkan program bersama asnaf “Letop Minda Asnaf” yang menghimpunkan seramai 428 orang penerima Bantuan Bulanan asnaf Fakir dan Miskin di Dewan IPD Selama. Program ini menjurus kepada motivasi untuk asnaf dalam memberi penerangan terhadap bantuan yang diterima.

Pentadbiran MAIPk Selama juga telah mengemaskini maklumat semua penerima pada sesi pendaftaran pada hari tersebut. Program dimulakan dengan ucapan dan amanat daripada Pegawai Baitulmal daerah Selama, AF Ustaz Muhammad Naquib bin Mohamd Tarmizi. Majlis diteruskan dengan taklimat tawaran program latihan kemahiran baitulmal oleh En. Muhamad Shameer bin Mohd Yusoff dan taklimat program usahawan asnaf oleh En. Mohd Nazrul Hisham bin Mohd Nasir. Pada program ini juga telah diadakan sesi penyerahan Zakat Perniagaan oleh Pengerusi Koperasi Kampung Belia Khas Selama Berhad dan pengerusi Koperasi Masjid Ar-Rashidiah Selama Perak Berhad.

Kemuncak program adalah motivasi “Letop Minda Asnaf” yang disampaikan oleh AF. Ustaz Latiff bin Talib, Pengurus Bahagian Pemasaran MAIPk. Pada sesi ini, antara pengisian yang diberikan adalah penekanan terhadap ibadah solat. Sesi soal jawab telah berlangsung dan mendapat sambutan positif di kalangan yang hadir. Pihak pentadbiran MAIPk Daerah Selama mengucapkan ribuan terima kasih kepada Unit Dakwah & Amil, Bahagian Pemasaran dan Bahagian

Pengurusan Zakat dan Pembangunan Asnaf dalam menjayakan program ini. Tidak lupa kepada pembayar zakat perniagaan dan semua kakitangan yang telah terlibat. Program ini wajar diadakan sebagai acara tahunan dalam mendekatkan asnaf dan pentadbiran MAIPk serta masyarakat setempat khususnya.



SAUDARA BAHARU TERIMA BANTUAN BINA RUMAH

LANGKAP, 21 Mac 2019 - Majlis penyampaian Bantuan Bina Rumah kepada saudara baharu di Kg. Orang Asli Pelawan, Langkap telah dianjurkan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk). Seramai empat orang asnaf telah menerima Bantuan Bina Rumah sebagai salah satu bantuan yang diberikan oleh MAIPk berdasarkan permohonan yang layak dan merupakan usaha MAIPk dalam mengagihkannya ke golongan sasaran. Program ini juga melibatkan kerjasama Unit Dakwah dari Pejabat Agama Islam Daerah Hilir Perak. Program ini turut dijayakan oleh Pegawai Tadbir Agama Daerah Teluk Intan, wakil Pegawai Baitulmal Daerah Teluk Intan dan penduduk kampung. Pada majlis penyampaian tersebut para

penerima bantuan telah menerima replika berbentuk kunci rumah. Terima kasih kepada pembayar zakat, amanah anda telah kami salurkan kepada mereka yang memerlukan.



PROGRAM JEJAK ASNAF

DAERAH TAPAH

TAPAH, 14 Mac 2019 – Program Jejak Asnaf Daerah Tapah yang diketuai oleh AF Ustaz Bakri bin Lee, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPk dan AF Ustaz Haji Hamdi bin Othman, Pegawai Baitulmal Daerah Tapah telah menziarahi dan menyantuni 10 buah rumah asnaf fakir dan miskin di 4 buah mukim. Semasa menyantuni asnaf-asnaf ini kebanyakannya mereka mengadu dan memohon Bantuan Baik Pulih dan Bantuan Bina Rumah. Hal ini disebabkan keadaan rumah yang telah usang dan tidak selamat untuk didiami. Pihak MAIPk juga turut menyediakan wang tunai dan kotak makanan disampaikan semasa ziarah tersebut bagi meringankan beban asnaf. Selanjutnya segala bantuan yang bersesuaian akan disalurkan mengikut pertimbangan Jawatankuasa Baitulmal.



DAERAH SELAMA

SELAMA, 6 Mac 2019 - MAIPk Selama telah turun padang menyantuni En. Nordin Bin Dan bertempat di Kampung Sungai Star, Mukim Hulu Selama. Pemohon telah memohon bantuan sebuah rumah di bawah Skim Bantuan Bina Rumah kerana rumah yang diduduki sekarang sangat uzur serta tiada bekalan elektrik dan air. Semasa siasatan dijalankan, pemohon tinggal seorang diri dan hanya bergantung kepada hasil menoreh getah untuk menyara kehidupan seharian. Sesi jejak asnaf ini telah dijalankan oleh AF. Ustaz Muhammad Naquib bin Mohamd Tarmizi Pegawai Baitulmal Daerah Selama dan kakitangan. Bantuan kotak makanan telah

diserahkan kepada asnaf berkenaan bagi meringankan beban pemohon. Permohonan ini telah dipanjangkan untuk keputusan mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi.





CERAMAH PERDANA

OLEH : PENDAKWAH KORPORAT MAIPK

AF Ustad Mohd Azhar Bin Latiff dan
Imam Muda Abdul Jabbar Bin Mohammed Kahar



“HARTA DARI PERSPEKTIF ISLAM”

MASJID JAMEK PENGKALAN HULU 21 JANUARI 2019



“MUDAH MENJEMPUT REZEKI”

MASJID ABBASIAH KG. PERIANG, KUALA KANGSAR
20 FEBRUARI 2019



“HARTA DUNIA SAHAM SYURGA AKHIRAT”

MASJID JAMEK SUNGKAI 7 MAC 2019



“SEDEKAH, MAGNET REZEKI”

MASJID AL-HIDAYAH ASSAM KUMBANG, TAIPING
28 FEBRUARI 2019



“HARTA DITUAL, BERKAT DIGAPAI”

MASJID KG. EXPO KAMUNTING, TAIPING 12 MAC 2019



“HARTA DUNIA, AKHIRAT BAHAGIA”

MASJID JAMEK TAMAN DESA BAKTI, TELUK INTAN
5 MAC 2019



“TANAM DI DUNIA, TUI DI AKHIRAT”

MASJID AL- AZIZIAH BATU 10, HUTAN MELINTANG
29 MAC 2019

TAKLIMAT ZAKAT DAN WAKAF



Pusat Latihan Kor Perkhidmatan (PULMAT), Kamunting 1 Februari 2019



SK Ganda Temengor, Gerik 20 Februari 2019



MRSM Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar 22 Februari 2019



Klinik Kesihatan Ibu & Anak (KKIA) Selama, 4 Mac 2019



Hospital Bahagia Ulu Kinta 27 Mac 2019


KAUNTER ZAKAT BERGERAK



Karnival Sambutan Jubli Emas Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak), Ipoh 11-13 Januari 2019



SK Bandar Behrang 2020, Tanjung Malim 7 Mac 2019



Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya 16 Februari 2019

Masjid Kg. Berala Kati 29 Mac 2019



SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPK



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA KELUARGA ENCIK BOHRI BIN SHAARI RIMBA PANJANG, SG.SIPUT (U) PADA 27 DISEMBER 2018



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN ZANAZUNIKA BINTI NOAH YANG MENGHIDAP PENYAKIT TIBI TULANG DI RPA LAWAN KUDA, GOPENG PADA 31 DISEMBER 2018



SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPK MENZIARAHI MANGSA RIBUT DI GUGUSAN MANJOI PADA 7 JANUARI 2019



SUMBANGAN BANTUAN KERUSI RODA KEPADA ENCIK NAN BIN AMAT DI KAMPUNG TANJUNG KENGGONG, RANTAU PANJANG, SELAMA PADA 8 JANUARI 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA SAUDARA BARU ENCIK SHAN BIN ABDULLAH DI KG. KEPAYANG PADA 8 JANUARI 2019



SUMBANGAN BANTUAN KATIL BERODA KEPADA EN. MOHD YUSOF BIN OSMAN DI KAMPUNG ULU NOR, SUNGAI BAYOR PADA 9 JANUARI 2019



SUMBANGAN BANTUAN PAMPERS DEWASA TELAH DISERAHKAN KEPADA WARIS EN. ABDUL WAHAB BIN JUNID YANG MENGALAMI SAKIT LUMPUH DI SELAMA PADA 9 JANUARI 2019



SERAHAN BANTUAN SEGERA TUNAI KEPADA MANGSA KEBAKARAN DI KG. SEMAT, MANONG PADA 30 JANUARI 2019



PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN SEGERA KEPADA 2 KELUARGA, SUSULAN MAKLUMAT DARI ORANG AWAM, DI TAMAN MAJU DAN TAMAN KELISA PADA 27 FEBRUARI 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ADIK DARWISH IRFAN YANG MENGHIDAPI KANSER DAN SEDANG DALAM RAWATAN KIMOTERAPI DI HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN, IPOH PADA 25 FEBRUARI 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK BADIUNZAMAN BIN MOHAMED ISA ANAKNYA NUR ALYAA SHAFIQAH DISAHKAN MENGHIDAP LEUKIMIA DI HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN, IPOH PADA 8 MAC 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN MAIMUNAH BINTI RASHIDI SKUAD DI D-3-10, PPR SRI CONOLLY, IPOH PADA 21 MAC 2019

BANTUAN PERALATAN MODAL DIMANFAATKAN ASNAF UNTUK JANA PENDAPATAN



PENYERAHAN MODAL NAIKTARAF GERAI BURGER SERTA PERALATAN KEDAI KEPADA PUAN NOR ASHIKIN DI BEHRANG ULU PADA 8 OKTOBER 2018



PENYERAHAN BANTUAN MOTOSIKAL RODA TIGA KEPADA ENCIK MOHD HARIS DAN PUAN HASLINDA PADA 9 OKTOBER 2018



PENYERAHAN BANTUAN MESIN PENGISAR AIS, DUA KHEMAH SAIZ 10' X 10', SET MEJA PLASTIK DAN KERUSI KEPADA PUAN ROKIYAH DI BEHRANG STESEN PADA 18 OKTOBER 2018



BANTUAN MESIN JAHIT TEPI DAN LURUS KEPADA PUAN KASTURA DI KG. RASAU PADA 8 NOVEMBER 2018



PENYERAHAN BANTUAN KELENGKAPAN PERNIAGAAN KEPADA PUAN ROHANI PADA 28 NOVEMBER 2018



PENYERAHAN BANTUAN MESIN JAHIT KEPADA ASNAF DI KUALA BAGAN TIANG PADA 13 DISEMBER 2018



PENYERAHAN BANTUAN PERALATAN MESIN PENGGORENG AYAM, MESIN PENGISAR/PENGADUN DAN GENERATOR. KEPADA EN. MOHD AMIZAN DI MUALLIM PADA 24 JANUARI 2019



PENYERAHAN BANTUAN (GENERATOR DAN MESIN PENGISAR AIS) KEPADA MOHAMAD TARMIZI BIN MOHAMAD DI KG. SUMPITAN, LENGGONG PADA 8 MAC 2019



LAWATAN DAN PERBINCANGAN MAIPk BERKAITAN SISTEM SARAAN MAIS

SHAH ALAM, 21 Mac 2019 - Khamis - Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal & Wakaf (BPPMW), Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) mengadakan Lawatan dan Perbincangan Berkaitan Sistem Saraan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bertempat di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam, Selangor. Semasa lawatan tersebut delegasi MAIPk telah diberikan beberapa penerangan iaitu Taklimat Pengurusan Hartanah MAIS, Taklimat Sistem Tenancy Management System (TMS) serta Taklimat Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).

MAIPk diwakili oleh AF Us. Suhaimi bin Yusoff, Pengurus Besar BPPMW, sementara di pihak MAIS pula diwakili oleh Cik Nurhani Salwa binti Jamaluddin,



Penasihat Undang-Undang MAIS merangkap Pemangku Setiausaha MAIS.

Perbincangan turut menyentuh kaedah sewaan hartanah Baitulmal dan Wakaf termasuklah pengurusan sewaan TELCO dan juga pembangunan hartanah Wakaf di bawah pengurusan Perbadanan Wakaf Selangor. Semoga usaha murni di antara pihak MAIPk, MAIS dan PWS akan memantapkan lagi kerjasama serantau bagi melaksanakan amanah pengurusan Mal dan Wakaf demi kepentingan Ummah.



TAKLIMAT PENGURUSAN WAKAF DI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PERAK

IPOH, 18 Januari 2019 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Taklimat Pengurusan Wakaf MAIPk pada majlis perhimpunan bulanan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak (JKSPk) di Dewan Bankuet, JKSPk. Taklimat ini diserikan dengan kehadiran YAA Dato' Haji Asa'ari bin Hj. Mohd. Yazid, Ketua Hakim Syarie, JKSPk, Puan Hajah Wan Maizura binti Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Yang Arif Hakim-Hakim Syarie, serta pekhidmat-pekhidmat JKSPk.

Objektif taklimat ini diadakan untuk menyampaikan penerangan pengurusan wakaf di negeri Perak oleh pihak MAIPk yang merupakan pemegang amanah tunggal urusan berkenaan. Ianya merupakan peluang kepada pekhidmat di JKSPk untuk bersama-sama menjayakan pembangunan serta projek-projek anjuran Wakaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR).

Encik Suhaimi bin Yusoff, Pengurus Besar, Bahagian Mal dan Wakaf MAIPk telah menyampaikan taklimat serta menyentuh tiga skop utama iaitu pengenalan wakaf, projek-projek WPAR serta kaedah berwakaf. Turut disuarakan saranan agar semua peserta yang hadir dalam taklimat berkenaan agar memberikan sokongan kepada projek-projek wakaf negeri Perak.



TAKLIMAT PENGURUSAN ZAKAT DAN WAKAF TABUNG BAITULMAL SARAWAK

KUALA LUMPUR, 29 Januari 2019 - Satu taklimat mengenai Pengurusan Zakat dan Wakaf oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) telah diadakan di Sime Darby Convention Centre. Taklimat buat julung kali diadakan ini dihadiri oleh YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin, Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), Anggota-Anggota MAJLIS, para pegawai pengurusan kanan MAIPK serta Pegawai Baitulmal Daerah. Taklimat ini disampaikan oleh YB. Datu Haji Abang Mohd Shibli bin Abang Mohamad

Nailie, Pengurus Besar TBS telah memberi perspektif baharu dan turut berkongsi pengalaman kerja kepada hadirin tentang persamaan dan juga perbezaan antara cara pengurusan Baitulmal di TBS dan MAIPK. Taklimat diteruskan dengan sesi soal jawab bersama peserta. Yang Dipertua MAIPK merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan TBS yang turut menjayakan taklimat tersebut. Majlis diakhiri dengan penyerahan cenderahati dari pihak MAIPK kepada pihak TBS kerana telah sudi datang untuk menjayakan taklimat tentang pengalaman menguruskan TBS.



MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN SYARIKAT PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD (PNMB)

IPOH, 01 Februari 2019 - Pihak Syarikat Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) telah menunaikan Zakat Perniagaan berjumlah RM19,465.00 bagi tahun berakhir 2017 yang disempurnakan oleh Encik Mohd Yusoff bin Yahaya, *Branch Head* bahagian Ipoh. Turut hadir bersama di majlis ini ialah pegawai-pegawai dari PNMB Puan Sharifah Norkhalida binti Syed Aadan *Area Key Account Manager*, Puan Nur Atikah binti Mohd Ashruf *Key Account Management*, Encik Armiza bin Rajmi *Key Account Management*. Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) diwakili oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi Bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPK telah menerima Zakat Perniagaan tersebut dan disertai bersama Encik Ahmad Nazim bin Md. Tajuri, Pengurus Besar Bahagian Pemasaran, En Mohd Azmir bin Yahaya Penolong Pengurus, Bahagian Pemasaran dan Encik Mohd Arifullah bin Mashudi Penolong Pengurus, Bahagian Pemasaran. Semoga dengan kesempurnaan kewajiban ini, perniagaan yang diusahakan oleh PNMB bertambah maju dan berkembang dengan lebih jayanya.





PERHIMPUNAN KONTRAKTOR PEMBEKALAN DAN PERKHIDMATAN GRED G1 LANTIKAN MAIPk BAGI TAHUN 2019

IPOH, 01 Februari 2019 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan perhimpunan Kontraktor Pembekalan dan Perkhidmatan Gred G1 Lantikan MAIPk 2019 bertempat di Tingkat 2, Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Perhimpunan kontraktor ini melibatkan semua kontraktor daripada semua daerah di negeri Perak. Perhimpunan kontraktor ini diadakan bertujuan untuk memilih kontraktor bagi penggiliran kerja-kerja membina dan membaik pulih rumah. Pihak MAIPk menggunakan kaedah mencabut undi untuk memilih giliran pemberian kerja dan hal ini merupakan kaedah yang bersifat lebih adil dan telus.

Pada majlis perhimpunan kontraktor ini, YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi Bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk (Pengurusan) telah menyampaikan ucapan dan beliau antaranya menegaskan kepada semua kontraktor yang telah dipilih perlu menyiapkan

kerja dengan kualiti yang sempurna dan disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Diharapkan kontraktor yang telah dipilih dapat membaiki dan membina rumah yang lebih sempurna dan berkualiti kepada golongan asnaf. Majlis ini turut dihadiri oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, AF. Ustaz Bakri bin Lee serta pegawai-pegawai MAIPk.



MAIPk TERIMA ANUGERAH CEMERLANG PEMANTAUAN LAMAN WEB AGENSI BAGI TAHUN 2018

IPOH, 21 Februari 2019 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menerima Anugerah Cemerlang atas pematuan terhadap Kriteria Pemantauan Laman Web Agensi bagi tahun 2018. Majlis penyampaian diadakan di Bilik Gerakan Negeri di Pejabat SUK Perak dan anugerah ini disampaikan oleh YBrs. Puan Nor Sham Binti Rahman, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak



7 Wasiat Raja-Raja Melayu

Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurun tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:



- 01 Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung (**PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**) sekarang dikenali dengan nama **MALAYSIA**.
- 02 Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, **TANAH SIMPANAN MELAYU** sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
- 03 Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan **REJIMEN ASKAR MELAYU** selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
- 04 Kami kekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan **RAJA-RAJA MELAYU** memerintah negara ini.
- 05 Kami isytiharkan **ISLAM** adalah Agama Persekutuan.
- 06 Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah **BAHASA MELAYU**.
- 07 Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi **KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN**. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).



Dana Wakaf Kepercayaan Anda

- Wakaf Business Centre (WBC)/ Pusat Perniagaan Waqaf
- Wakaf Dana Pembangunan Maahad Tahfiz
- Wakaf Tunai
- Wakaf Bangunan Kediaman Pelajar
- Wakaf Pembangunan dan Perkembangan Ilmu Al-Quran
- Wakaf Ilmu Program MUMTAZ
- Wakaf Pembinaan Pusat Hemodialisis
- Wakaf Bot

KAEDAH BAYARAN

01 PEMBAYARAN DI KAUNTER MAIPK SELURUH NEGERI PERAK

02 PEMBAYARAN MELALUI FPX LAYARI wakaferak.gov.my



03 POTONGAN GAJI ONLINE LAYARI wakaferak.gov.my

04 INTERNET BANKING Maybank2U.com

05 PEMBAYARAN MELALUI EFT WAQAF PERAK AR RIDZUAN, NO AKAUN Maybank: 558024315712

06 BILLER CODE: 29892 REF-1 : NOMBOR YANG DIHASILKAN DARI JANAAN PENDAFTARAN DI wakaferak.gov.my

JOMPAY

ONLINE DI PERBANKAN INTERNET DAN TELEFON MUDAH ALIH DENGAN AKAUN SEMASA, SIMPANAN ATAU KAD KREDIT

Tunaikan

ZAKAT ANDA KEPADA

Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk)

SALURAN BAYARAN KAUNTER ZAKAT

19 Kaunter Cawangan Seluruh Negeri Perak

AMIL FITRAH

AMIL HARTA

AMIL PROFESIONAL

PERUNDING ZAKAT

FIRMA AKAUN/AUDIT BERTAULIAH

KAUNTER POS MALAYSIA

KAEDAH PEMBAYARAN ONLINE



Biller COde : 9027
Ref-1 : Nama Pembayar
Ref-2 : Nombor Telefon

JomPAY (Bersama Biller Code)



FPX-Melalui Portal MAIPk
www.maiamp.gov.my

